



Y.B. Ahli Dewan Undangan Negeri,
Pegawai Daerah,
PULAU PINANG.

SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI BILANGAN 3 TAHUN 2023

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROJEK DAN PROGRAM DI BAWAH MAKSUD PEMBANGUNAN P.16 (02) DAN (03)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan menyediakan garis panduan terkini berkaitan kaedah pelaksanaan bagi Projek Pembangunan Masyarakat dan Program Khas dan Latihan Khas di bawah Maksud Pembangunan P.16 (02) dan (03) Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang (JKNPP).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Dalam merealisasikan Visi Penang2030 dan dasar-dasar sedia ada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, peranan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) melalui Pejabat Daerah dan Tanah, dalam mensejahterakan masyarakat amat penting dan signifikan.

- 2.2 Menyedari hakikat ini, JKNPP telah menyemak semula Surat Pekeliling Kewangan Negeri (SPKN) Bilangan 3 Tahun 2010, iaitu “*Garis Panduan Pelaksanaan Projek-projek di Bawah Maksud Pembangunan P.16 (02) dan (03)*” mengikut keperluan semasa.

3. SKOP PROJEK

Dalam merancang dan melaksanakan projek/program pembangunan yang berfokus kepada rakyat, amalan perbelanjaan berhemah, nilai optima untuk wang dan pengurusan nilai perlu dibudayakan. Oleh itu, skop projek di bawah peruntukan P.16 (02) dan (03) hendaklah bersifat inklusif dan saksama dengan mencakupi semua lapisan masyarakat di setiap KADUN. Skop projek dan program yang boleh dilaksanakan di bawah peruntukan P. 16 (02) dan (03) adalah seperti berikut:

3.1 P.16 (02) Projek Pembangunan Masyarakat

Kategori projek pembangunan masyarakat yang boleh dilaksanakan melalui peruntukan P.16 (02) ialah projek-projek infrastruktur kecil dan kerja-kerja fizikal yang dilaksanakan oleh kontraktor Kelas G1 atau setaraf, seperti berikut:

- (a) Pembinaan, baik pulih, naik taraf dan penyelenggaraan kecil. Contohnya penyelenggaraan jalan kampung, baik pulih bumbung surau, naik taraf dewan orang ramai, baik pulih longkang dan projek-projek infrastruktur kecil lain yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat;

- (b) Projek-projek berkaitan telekomunikasi dan utiliti, seperti projek bekalan air dan elektrik serta kemudahan-kemudahan berkaitan; dan
- (c) Mana-mana projek infrastruktur kecil dan fizikal yang diyakini oleh Y.B. ADUN Kawasan dan diperakui oleh Pegawai Daerah dapat menyumbang kepada keselesaan dan pembangunan masyarakat, selagi mana mematuhi perenggan 4 SPKN ini.

3.2 P.16 (03) Program Khas dan Latihan Khas

Kategori program khas dan latihan khas yang boleh dilaksanakan melalui peruntukan P.16 (03) adalah program sosial, ekonomi, kelestarian, kebudayaan, rekreasi, sukan, pembangunan modal insan dan lain-lain pengisian yang memberi faedah kepada masyarakat. Bagi meningkatkan kualiti bantuan kepada kumpulan sasar, had nilai pembiayaan di bawah peruntukan P.16 (03) dinaikkan daripada RM 10,000.00 kepada RM 20,000.00. Pembiayaan yang melebihi RM 20,000.00 perlu mendapat kelulusan khas Pegawai Kewangan Negeri. Pembiayaan bagi program-program P.16 (03) adalah tertakluk kepada skop dan syarat-syarat berikut:

- (a) Perolehan peralatan dan perabot seperti khemah, kerusi, meja dan lain-lain kemudahan bagi projek kecil;

- (b) Bantuan peralatan dan barang kepada orang ramai, penuntut, golongan miskin (B40), orang kurang upaya dan golongan rentan yang memerlukan bantuan di bawah program yang dianjurkan oleh persatuan/pertubuhan/badan yang bukan bermotifkan politik dan bukan komersial;
- (c) Pembiayaan program latihan seperti seminar, kursus bina insan, program motivasi dan kursus-kursus lain yang tiada hubungan dengan politik yang dianjurkan oleh badan bukan komersial atau persatuan yang tidak bermotifkan politik yang masih sah pendaftarannya;
- (d) Pembiayaan bagi pengajuran keraian dan jamuan sempena program kemasyarakatan; dan
- (e) Mana-mana bentuk pembiayaan yang yang diyakini oleh Y.B. ADUN Kawasan dan diperakui oleh Pegawai Daerah dapat memberi manfaat kepada masyarakat, selagi mana mematuhi perenggan 4 SPKN ini.

4. SEKATAN PERBELANJAAN

Bagi kedua-dua Butiran P.16 (02) dan (03), **sekatan perbelanjaan** adalah seperti berikut:

- (a) Peruntukan ini tidak boleh digunakan untuk kepentingan individu, badan politik, persatuan/pertubuhan/badan yang bermotifkan komersial dan keuntungan;

- (b) Peruntukan ini tidak boleh diberi kepada kelab/persatuan dari Jabatan/Agensi Kerajaan, termasuk PUSPANITA dan MAKSAK bagi mana-mana Maksud P.16 (02) dan (03), kecuali mendapat kelulusan khas Pegawai Kewangan Negeri;
- (c) Pembiayaan projek dan program di luar KADUN tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, Y.A.B. Ketua Menteri, Y.B. Timbalan Ketua Menteri dan Y.B. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) diberi pengecualian untuk mencadangkan pelaksanaan projek dan program di bawah P.16 (02) dan (03) di luar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) masing-masing dengan had peruntukan tidak melebihi RM50,000.00;
- (d) Pemberian/bantuan/sumbangan kepada KADUN di luar Negeri Pulau Pinang adalah dilarang sama sekali;
- (e) Bantuan pentadbiran seperti bayaran sewa pejabat, bil utiliti, gaji dan elaun adalah tidak dibenarkan;
- (f) Pindah peruntukan daripada Butiran P.16 (02) kepada (03) dan sebaliknya, adalah dibenarkan pada had maksimum 25% daripada peruntukan keseluruhan. Pindah peruntukan hanya boleh dimohon setelah mana-mana peruntukan sama ada P.16 (02) atau (03) yang hendak ditampung hanya berbaki kurang 25% daripada peruntukan asal. Kelulusan khas Pegawai Kewangan Negeri adalah perlu sekiranya kelulusan pindah peruntukan ini tidak mematuhi ketetapan di atas; dan

- (g) Kedua-dua peruntukan P.16 (02) dan (03) tidak boleh dibawa ke tahun berikutnya. Projek/program yang tidak dapat dilaksanakan dalam tahun kewangan semasa adalah luput dengan sendirinya.

5. TATACARA PELAKSANAAN PROJEK/PROGRAM

Kaedah pelaksanaan projek dan program P.16 (02) dan (03) adalah seperti berikut:

5.1 Proses Permohonan dan Kelulusan Projek

- (a) Y.B. ADUN mengemukakan cadangan projek kepada Pegawai Daerah dengan menggunakan borang permohonan seperti di **Lampiran A**. Pegawai Daerah membuat semakan sama ada mematuhi garis panduan pelaksanaan projek/program dari segi skop projek yang dibenarkan dan kecukupan peruntukan. Projek yang tidak diperakukan perlu dimaklumkan semula kepada Y.B. ADUN;
- (b) Pegawai Daerah mengeluarkan surat kelulusan untuk pelaksanaan projek yang menepati garis panduan yang ditetapkan dengan salinan kepada JKNPP (Unit Belanjawan);
- (c) Cadangan projek, terutama bagi peruntukan P.16 (02) perlu dikemukakan kepada Pegawai Daerah selewat-lewatnya sebelum atau pada 31 Oktober dalam tahun semasa bagi memastikan projek dapat disempurnakan pelaksanaannya dan dijelaskan pembayaran dalam tahun semasa; dan

- (d) Cadangan perubahan tajuk projek hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Daerah untuk kelulusan, dan sebarang pindaan atau pembatalan projek hendaklah dimaklumkan kepada JKNPP.

5.2 Tatacara Perolehan

- (a) Projek/program yang diluluskan hendaklah dilaksanakan mengikut prosedur dan peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa, terutama ketetapan yang digariskan dalam Pekeliling Kewangan Negeri, SPKN dan Surat Edaran. Walau bagaimanapun, tatacara perolehan pelantikan pembekal dan kontraktor yang menggunakan peruntukan P.16 (02) dan (03) **tidak mengguna pakai** ketetapan Surat Edaran Unit Perolehan bertarikh 19 April 2023, iaitu “*Mengguna pakai Perubahan Had Nilai Bekalan dan Perkhidmatan serta Kerja bagi Perolehan Kerajaan di Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang*”. Oleh itu, had nilai dan tatacara perolehan terdahulu, iaitu sebelum Surat Edaran bertarikh 19 April 2023 tersebut dikeluarkan masih terpakai dengan sedikit pindaan ke atas semua bentuk perolehan yang menggunakan peruntukan P.16 (02) dan (03) seperti berikut:

Peruntukan	Kaedah Perolehan	Had Nilai
P.16 (02) (Kerja)	Lantikan Terus Tanpa Kajian Pasaran, tertakluk kepada nilai maksimum RM40 ribu setahun bagi kontraktor yang sama. Namun begitu, pemilihan kontraktor berdasarkan Kajian Pasaran adalah digalakkan .	Sehingga RM10 ribu.

Peruntukan	Kaedah Perolehan	Had Nilai
P.16 (02) (Kerja)	i. Lantikan Terus Dengan Kajian Pasaran (3 Tawaran Harga).	Antara ribu hingga RM10 ribu hingga RM20 ribu.
	ii. Sebut Harga.	Melebihi RM20 ribu hingga RM200 ribu.
P.16 (03) Bekalan dan Perkhidmatan	i. Pembelian Terus Tanpa Kajian Pasaran.	Sehingga RM2 ribu.
	ii. Pembelian Terus Dengan Kajian Pasaran (3 Tawaran Harga).	Antara RM2 ribu hingga RM20 ribu.
	iii. Kelulusan Khas YB. Pegawai Kewangan Negeri.	Melebihi RM20 ribu.

- (b) Kontraktor Kelas G1 atau setaraf **perlu** memiliki sijil CIDB, PKK, SSM yang masih sah **dan** berdaftar dengan sysP bagi perolehan P.16 (02) – Kerja, manakala perincian ke atas perolehan bagi P.16 (03) – Bekalan dan Perkhidmatan adalah seperti berikut:

Had Nilai	Kaedah Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
Sehingga RM2 ribu Setahun	a. Dilaksanakan secara <u>pembelian</u> terus daripada mana-mana pembekal/pemberi perkhidmatan sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan hendaklah berdaftar dengan sysP dan memiliki SSM yang masih sah.	Pegawai Daerah / Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Daerah yang menguruskan perolehan.

Had Nilai	Kaedah Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
Melebihi RM2 ribu hingga RM20 ribu setahun atau sesuatu kontrak	<p>a. Dilaksanakan secara <u>pembelian</u> terus daripada mana-mana pembekal / pemberi perkhidmatan sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan hendaklah berdaftar dengan sysP dan memiliki SSM yang masih sah.</p> <p>b. <u>Kajian pasaran</u> hendaklah dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal/pemberi perkhidmatan tempatan.</p>	Pegawai Daerah/ Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Daerah yang menguruskan perolehan.
Melebihi RM20 ribu	<p>a. Dilaksanakan secara <u>pembelian</u> terus daripada mana-mana pembekal/pemberi perkhidmatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan hendaklah berdaftar dengan sysP dan memiliki SSM yang masih sah.</p> <p>b. <u>Kajian pasaran</u> hendaklah dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal/pemberi perkhidmatan tempatan.</p>	Pegawai Kewangan Negeri/ Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Kewangan Negeri pada peringkat JKNPP.

- (b) Pengecualian kajian pasaran (3 tawaran harga) boleh dipertimbangkan dan diluluskan oleh Pegawai Daerah bagi kes-kes kecemasan atau kontraktor/pembekal/pemberi perkhidmatan yang terhad dengan ulasan/justifikasi yang munasabah pada borang permohonan seperti di **Lampiran A**;
- (c) Pegawai Daerah hendaklah memantau pelaksanaan projek/program di bawah P. 16 (02) dan (03) bersama-sama Y.B. ADUN bagi memastikan kualiti kerja/bekalan/perkhidmatan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Dalam hal ini, Pegawai Daerah digalakkan supaya meningkatkan mekanisme kawalan dalaman bagi mengelakkan ketirisan dan sebarang unsur penyalahgunaan peruntukan;
- (d) Bagi memastikan prinsip kesaksamaan dan keadilan dalam proses perolehan bekalan, pemilihan kontraktor/syarikat/pembekal hendaklah diperluaskan; dan
- (e) Perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan hendaklah diuruskan oleh Pegawai Daerah atau pegawai dan kakitangan yang berada di bawah seliaan Pegawai Daerah dengan menggunakan Inden Kerja atau Pesanan Tempatan mengikut mana yang berkaitan.

5.3 Pemberian Terus (*Outright Grant*)

Pelaksanaan projek yang dicadangkan melalui P.16 (02) boleh dipertimbangkan secara *outright grant* (OG) dalam keadaan-keadaan tertentu dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Peruntukan yang diluluskan hanya merupakan sebahagian daripada jumlah kos projek keseluruhan, yang mana sebahagian lagi dibiayai oleh pihak lain yang bukan Kerajaan. Permohonan yang dikemukakan mestilah lengkap dengan maklumat kos keseluruhan projek dan senarai aktiviti yang dirancang;
- (b) Projek berkaitan sedang dalam pelaksanaan dan diselaraskan oleh sebuah persatuan/kelab/badan/jawatankuasa tertentu dan dibuat secara gotong-royong atau apa-apa kaedah perolehan yang telus di mana daripada segi kos adalah lebih rendah dan menguntungkan;
- (c) Pegawai Daerah hendaklah melantik pegawai penyelia yang bertanggungjawab memastikan hal-hal kewangan OG tersebut diuruskan dengan betul dan telus, menyelia pelaksanaan projek dan bertanggungjawab mengesahkan projek berkaitan siap;
- (d) OG tidak boleh diberi kepada badan politik, dan persatuan/kelab/perbadanan yang bermotifkan komersial; dan
- (e) Had kelulusan OG bagi projek infrastruktur di bawah P16 (02) adalah sehingga RM20,000.00 atau pembiayaan projek infrastruktur yang tidak melebihi 50% daripada kos projek. Dalam hubungan ini, kuasa untuk meluluskan OG sehingga RM20,000.00 terletak pada Pegawai Kewangan Negeri, manakala permohonan OG yang melebihi RM20,000.00 perlu mendapat kelulusan Y.A.B Ketua Menteri.

6. TATACARA BAYARAN

- 6.1 Waran Peruntukan bagi pelaksanaan projek dan program P. 16 (02) dan (03) dikeluarkan oleh JKNPP terus kepada Pegawai Daerah mengikut agihan peruntukan yang ditetapkan bagi setiap KADUN.
- 6.2 Pegawai Daerah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perbelanjaan yang dibuat daripada Maksud Pembangunan P.16 (02) dan (03). Tanggungjawab tersebut termasuk menerima, menyemak dan meluluskan permohonan, meluluskan Pesanan Tempatan/Inden Kerja secara elektronik melalui Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS), mengawasi dan memantau pelaksanaan projek dan menguruskan pembayaran melalui sistem iSPEKS dalam tempoh 3 hari atau selewat-lewatnya dalam tempoh 7 hari setelah projek disahkan siap dan dokumen tuntutan bayaran yang lengkap diterima.

7. PELAPORAN

Pegawai Daerah dikehendaki menyediakan laporan bulanan kemajuan pelaksanaan projek/program seperti pada **Lampiran B** untuk dikemukakan kepada JKNPP (Unit Belanjawan) secara suku tahunan seperti berikut:

- RUANGAN INI DIBIARKAN KOSONG -

Laporan Suku Tahunan	Tarikh Akhir Penyerahan
Pertama	10 April
Kedua	10 Julai
Ketiga	10 Oktober
Keempat	10 Januari

8. TARikh KUAT KUASA

SPKN ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan. Dengan berkuat kuasanya SPKN ini, maka SPKN Bilangan 3 Tahun 2010 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”**

Saya yang menjalankan amanah,


(ZABIDAH BINTI SAFAR)
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang

Tarikh : / September 2023

s.k.: YAB Ketua Menteri
Pulau Pinang.

YB Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang.

BORANG PERMOHONAN PROJEK PEMBANGUNAN MASYARAKAT P.16 (02) / PROGRAM KHAS DAN LATIHAN KHAS P.16 (03) PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH : _____

MAKSUD PEMBANGUNAN : P.16 (02)/ (03)*

KADUN : _____

KOD KADUN : N_____
(Ikut Kawasan Pilihan Raya)

BIL	NAMA PROJEK / PROGRAM	KOS PROJEK/PROGRAM (RM)	NAMA SYARIKAT/PEMBEKAL/KONTRAKTOR PENERIMA PROJEK (NO. TEL/EMEL)
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			

Nota: Boleh menggunakan lampiran tambahan jika ruangan di atas tidak mencukupi.

Diisi oleh Pemohon

Tandatangan Pemohon :

Perakuan Pejabat Daerah :

Disemak oleh :

[Penghulu/ Penolong Jurutera Awam]

Nama dan Cop Rasmi Pemohon / ADUN :

Diperakukan oleh :

[Pen.Peg. Daerah (Pembangunan) dan Ke atas]

Tarikh :

Tarikh Permohonan dikemukakan ke Pejabat Daerah :

Ulasan Pejabat Daerah : Permohonan ini didapati TERATUR/TIDAK TERATUR * selaras dengan SPKN Bil. 3/2023
Alasan Penolakan (jika permohonan tidak teratur) :

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

Untuk Kegunaan Pejabat Daerah :

Butiran Perbelanjaan	: RM_____	Dengan tiga (3) tawaran harga	<input type="checkbox"/>
Jumlah Perbelanjaan sehingga kini	: RM_____	Tanpa kajian pasaran	<input type="checkbox"/>
Baki Peruntukan	: RM_____	Ulasan :	(Sila tandakan /) _____

* Potong yang tidak berkaitan

LAMPIRAN B

PRESTASI PERBELANJAAN DAN PELAKSANAAN PROJEK DAN PROGRAM PEMBANGUNAN P.16 (02) & P.16 (03) SEHINGGA _____

PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH : _____

BIL	KADUN	P.16 (02)				P.16 (03)							
		PERUNTUKAN TELAH BAYAR RM	TANGGUNGAN BELUM SELESAI RM	INDEN KERJA YANG TELAH DIKELUARKAN RM	BAKI BILANGAN RM	% PERUNTUKAN YANG BELUM DIBELANJAKAN	BILANGAN PROJEK YG DILULUSKAN	PERUNTUKAN YANG BELUM DIBELANJAKAN	TELAH BAYAR RM	TANGGUNGAN BELUM SELESAI RM	LO YANG TELAH DIKELUARKAN BILANGAN	BAKI RM	% PERUNTUKAN YANG BELUM DIBELANJAKAN
1													
2													
3													
4													
	JUMLAH												

Nota: Boleh menggunakan lampiran tambahan jika ruangan tidak mencukupi

Disediakan oleh :

Disahkan oleh :

Disemak oleh :

Disahkan oleh :

Tarikh:

Tarikh: